

Privacy Notice for Engtex Group Berhad

We, Engtex Group Berhad (Company No.: 200101000937 (536693-X)) which includes the holding company, subsidiaries and any associated company as defined in the Company Act 2016 (collectively referred to as, “Engtex Group”, “we”, “our” or “us”) respect the right of the data subject (referred to as, “you” or “your”) to privacy and protect your Personal Data in compliance with the Personal Data Protection Act 2010, the Personal Data Protection (Amendment) Act 2024 and the applicable laws and regulations.

This Privacy Notice explains how we collect, process, store, transfer and protect your Personal Data. By providing your Personal Data to us, you acknowledge that you have read, understood and agreed to the terms of this Privacy Notice.

1. Type of Personal Data

We may collect your Personal Data, which may include, but is not limited to the following information:

- a) personal details (e.g. your name, age, gender, identity card or passport details, race, religion, nationality, educational background, medical records, bank account details, photographs, video recordings and biometric data);
 - b) contact details (e.g. address, email and phone number);
 - c) family information (e.g. marital status, details of your spouse, children and immediate family members);
 - d) occupational details (such as your employer’s details, income range, job title and responsibilities); and
 - e) other relevant information,
- depending on the nature of your business dealings with us (e.g. employment, sales and purchase of goods and services and investment).

Where sensitive Personal Data (e.g. health, biometric, political or religious beliefs) is involved, we will obtain your consent prior to its processing.

2. Source of Personal Data

We may collect your Personal Data either directly from you or indirectly through various sources.

- a) When you fill out an application form, registration form or any other form under Engtex Group and/or provide the required documents;
- b) When you provide us with an enquiry, feedback or complaint;
- c) From publicly available sources;
- d) From credit reporting agencies, due diligence service providers and trade associations;
- e) From third party job application platforms;
- f) From the member companies within Engtex Group and related companies; and/or
- g) From cookies and similar tracking technology used on our websites.

3. Impact resulting from failure to supply Personal Data

Unless stated otherwise, it is mandatory for you to provide the required Personal Data in the relevant forms and documents. If you choose to withhold, withdraw or limit your consent for us to process your Personal Data, we may be unable to enter into or continue our business dealings

with you. We reserve the right to reject your application to become our customer, vendor, employee or other stakeholder.

4. Purpose of collecting Personal Data

Your Personal Data will be collected, used, processed and/or maintained by us for, among others, the following purposes:

- a) to communicate with you;
- b) to assess and process your application or registration;
- c) to administrate any employment related matters;
- d) to process your application for obtaining, upgrading or renewing credit terms;
- e) to facilitate the sale and purchase transactions and/or business dealings;
- f) to conduct credit risk assessments and background check as and when deemed necessary or appropriate;
- g) to facilitate the delivery or receipt of products, services, notices and other documents;
- h) to manage business relationship;
- i) to conduct marketing and customer profiling activities in connection with our businesses;
- j) to support our business, financial and risk monitoring, planning and decision-making processes;
- k) to collect outstanding payments from you or to process payments to you;
- l) to resolve any complaints or issues;
- m) to exercise our legal rights or obtain legal advice;
- n) to prevent crime (e.g. fraud, money-laundering and bribery);
- o) to comply with any legal or regulatory requirements applicable to our provision of products and services and to make disclosures as required under any applicable law, regulation, directive, court order, by-law, guideline, circular or code;
- p) to conduct research, benchmarking and statistical analysis; and/or
- q) for any other relevant purposes in the ordinary course of our business.

5. Disclosure of Personal Data

Your Personal Data provided to us will be kept confidential. However, you hereby consent to and authorise us to disclose your Personal Data to the following parties:

- a) any person to whom we are required to disclose under the law or in response to requests from government agencies, authorities or regulators;
- b) any member company within Engtex Group and/or related companies, including those established in the future;
- c) our business partners, associates and affiliates that provide products or services related to our business;
- d) our auditors, consultants, accountants, lawyers, financial advisers or other professionals;
- e) debt collection agencies and credit reporting agencies in the event of payment default;
- f) any guarantor or security provider related to your trade facility; and/or
- g) any party involved in a potential or actual merger, acquisition or corporate restructuring.

6. Safeguards of Personal Data

We shall keep and process your data in a secure manner. Where practicable, we endeavour to implement appropriate administrative, technical and security safeguards and procedures, in accordance with applicable laws and regulations, to prevent the unauthorised or unlawful access/

processing of your Personal Data as well as accidental loss, destruction or damage. In the event where external service providers are engaged to process your Personal Data, we ensure that they implement specific security and confidentiality measures to safeguard your Personal Data.

7. Transfer of Personal Data

Where we consider it necessary or appropriate for the purposes of data storage, processing or provision of any product or service to you on our behalf, we may transfer your Personal Data to other member companies of Engtex Group or third party service providers, whether located within or outside the country in which we are established. Such transfers will be made under conditions of confidentiality and with similar levels of security safeguards, and only where permitted under Malaysian law.

8. Your rights to access and correct Personal Data

You have the right to request access to and correction of the information we hold about you. In this regard, you may:

- a) check whether we hold or use your Personal Data and request access to such data;
- b) request that we correct any of your Personal Data that is inaccurate or incomplete;
- c) object to the use of your Personal Data for marketing purposes, in which case we will not use your Personal Data for such purposes;
- d) withdraw, in full or in part, any consent given previously, subject to any applicable legal requirements, contractual obligations and a reasonable notice period; and/or
- e) request data portability in a structured and commonly used format.

We reserve the right to impose a fee for access of your Personal Data, in amounts permitted under Malaysian law.

If you do not wish for your Personal Data to be collected via cookies on our websites, you may disable cookies by adjusting your internet browser settings, deleting your browsing history and clearing your browser cache. However, please note that doing so may affect your ability to use certain features and functionality of our websites or services.

9. Personal Data from minor and other individual

If the Personal Data of a minor (an individual under 18 years old) is provided to us, you as the parent or legal guardian, hereby consent to the processing of the minor's Personal Data and agree to be bound by the terms of this Privacy Notice.

You may have provided Personal Data relating to other individuals, such as your family members or friends. In such circumstances, you represent and warrant that you are authorised to disclose their Personal Data to us and you have obtained their consent for their Personal Data to be processed in accordance to this Privacy Notice.

10. Retention and deletion of Personal Data

Your Personal Data will be retained only for as long as necessary to fulfil the legitimate purposes for which it was collected and comply with applicable Malaysian law. Where your Personal Data is no longer required, it will be securely deleted or anonymised.

11. Further amendments and conflict

We may update this Privacy Notice from time to time. You are advised to review it periodically for any changes. By continuing to provide us with your Personal Data after any updates, you will be deemed to have accepted the revised Privacy Notice.

If there is any conflict between the English version and other language versions of this Privacy Notice, the English version shall prevail.

12. Contact details

If you would like to make an enquiry, lodge a complaint or request to access, correct or limit the processing of your Personal Data, please contact:

Data Protection Officer

Engtex Group Berhad

Lot 36, Jalan BRP 9/2B, Putra Industrial Park

Bukit Rahman Putra

47000 Sungai Buloh, Selangor

Tel No. : +603 6140 1111

Email : dpo@engtex.com.my (for matters related to our wholesale and distribution, manufacturing and property development)

dpo.engtexleisure@engtex.com.my (for matters related to Mercure Selangor Selayang and Ibis Styles Kuala Lumpur)

We will respond to you within 21 days, or inform you if an extension is needed.

Last review: 21 August 2025

Notis Privasi untuk Engtex Group Berhad

Kami, Engtex Group Berhad (No. Syairkat: 200101000937 (536693-X)) termasuk syarikat induk, anak-anak syarikat dan syarikat bersekutu seperti yang diperuntukkan dalam Akta Syarikat 2016 (secara kolektif dirujuk sebagai “Kumpulan Engtex” atau “kami”) menghormati hak privasi subjek data (dirujuk sebagai “anda”) dan melindungi Data Peribadi anda menurut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, Akta Perlindungan Data Peribadi (Pindaan) 2024 serta undang-undang dan peraturan yang terpakai.

Notis Privasi ini menerangkan bagaimana kami mengumpul, memproses, menyimpan, memindahkan dan melindungi Data Peribadi anda. Dengan memberikan Data Peribadi anda kepada kami, anda mengakui bahawa anda telah membaca, memahami dan bersetuju dengan syarat-syarat dalam Notis Privasi ini.

13. Jenis Data Peribadi

Kami mungkin mengumpul Data Peribadi anda termasuk tetapi tidak terhad kepada maklumat berikut:

- a) butiran peribadi (contohnya nama anda, umur, jantina, butiran kad pengenalan atau passport, bangsa, agama, warganegara, latar belakang pendidikan, rekod perubatan, butiran akaun bank, gambar, rakaman video dan data biometrik);
- b) butiran hubungan (contohnya alamat, e-mel dan nombor telefon);
- c) butiran keluarga (contohnya status perkahwinan, butiran pasangan, anak dan ahli keluarga terdekat);
- d) butiran pekerjaan (contohnya butiran majikan anda, julat pendapatan, jawatan dan tanggungjawab); dan
- e) maklumat berkaitan lain, bergantung kepada sifat urusan perniagaan anda dengan kami (contohnya pekerjaan, jual beli barang dan perkhidmatan serta pelaburan).

Sekiranya Data Peribadi sensitif (contohnya kesihatan, biometrik, kepercayaan politik atau agama) terlibat, kami akan mendapatkan persetujuan anda sebelum pemprosesan.

14. Sumber Data Peribadi

Kami mungkin mengumpul Data Peribadi secara langsung daripada anda atau secara tidak langsung melalui sumber lain.

- a) Apabila anda mengisi borang permohonan, borang pendaftaran atau borang lain Engtex Group dan/atau memberikan dokumen yang diperlukan;
- b) Apabila anda mengemukakan pertanyaan, memberikan maklum balas atau melaporkan aduan kepada kami;
- c) Daripada sumber awam;
- d) Daripada agensi pelaporan kredit, perkhidmatan ketekunan wajar dan persatuan perdagangan;
- e) Daripada platform permohonan pekerjaan pihak ketiga;
- f) Daripada syarikat ahli Kumpulan Engtex dan syarikat berkaitan; dan/atau
- g) Daripada kuki dan teknologi penjejakan yang sama dalam laman web kami.

15. Kesan kegagalan untuk memberikan Data Peribadi

Melainkan dinyatakan sebaliknya, anda wajib memberikan Data Peribadi yang diperlukan dalam borang dan dokumen berkaitan. Sekiranya anda memilih untuk menahan, menarik balik atau mengehadkan persetujuan bagi kami memproses Data Peribadi anda, kami mungkin tidak dapat menjalankan atau meneruskan urusan perniagaan dengan anda. Kami berhak untuk menolak permohonan anda untuk menjadi pelanggan, vendor, pekerja atau pihak berkepentingan kami.

16. Tujuan pengumpulan Data Peribadi

Kami mengambil, menggunakan, memproses dan/atau menyimpan Data Peribadi anda untuk tujuan berikut:

- r) untuk berkomunikasi dengan anda;
- s) untuk menilai dan memproses permohonan serta pendaftaran anda;
- t) untuk memproses sebarang perkara berkaitan dengan pekerjaan;
- u) untuk memproses permohonan anda bagi mendapatkan, meningkatkan atau memperbaharui syarat kredit;
- v) untuk memudahkan urusan jualan dan belian dan/atau urusan perniagaan;
- w) untuk menjalankan penilaian risiko kredit dan semakan latar belakang jika perlu;
- x) untuk memudahkan penghantaran produk, perkhidmatan, notis dan dokumen lain;
- y) untuk menguruskan hubungan perniagaan;
- z) untuk menjalankan aktiviti pemasaran dan pemprofilan pelanggan sehubungan dengan perniagaan kami;
- aa) untuk menyokong pemantauan, perancangan dan pengambilan keputusan perniagaan, kewangan dan risiko kami;
- bb) untuk memungut bayaran tertunggak daripada anda/ memproses pembayaran kepada anda;
- cc) untuk menyelesaikan sebarang aduan atau isu;
- dd) untuk melaksanakan hak undang-undang kami atau mendapatkan nasihat undang-undang;
- ee) untuk mencegah jenayah (contohnya penipuan, pengubahan wang haram dan rasuah);
- ff) untuk mematuhi sebarang keperluan undang-undang atau peraturan berkaitan dengan produk dan perkhidmatan kami serta memberikan maklumat di bawah sebarang undang-undang, peraturan, arahan, perintah mahkamah, undang-undang kecil, garis panduan, pekeliling dan kod yang berkenaan;
- gg) untuk menjalankan penyelidikan, penanda aras dan analisis statistik; dan/atau
- hh) untuk sebarang tujuan lain yang berkaitan dalam menjalankan aktiviti perniagaan kami.

17. Penzahiran Data Peribadi

Kami akan menyimpan Data Peribadi anda secara sulit, namun anda memberi persetujuan kepada kami untuk memberikan Data Peribadi anda kepada pihak-pihak berikut:

- h) pihak yang kami wajib untuk melakukan demikian di bawah undang-undang atau sebagai maklum balas kepada agensi kerajaan, pihak berkuasa atau pengawal selia;
- i) syarikat ahli Kumpulan Engtex dan/atau syarikat berkaitan, termasuk yang akan ditubuhkan pada masa hadapan;
- j) rakan niaga, sekutu dan pihak berafiliasi kami bagi memberikan produk atau perkhidmatan berkaitan dengan perniagaan kami;
- k) juruaudit, perunding, akauntan, peguam, penasihat kewangan atau profesional kami;
- l) agensi pemungut hutang dan agensi pelaporan kredit sekiranya berlaku kegagalan pembayaran;

- m) penjamin atau penyedia sekuriti berkaitan dengan kemudahan perdagangan anda; dan/atau
- n) pihak yang terlibat dalam penggabungan, pengambilalihan atau penstrukturan semula korporat.

18. Keselamatan Data Peribadi

Kami akan menyimpan dan memproses Data Peribadi anda dengan cara yang selamat. Kami berusaha untuk mengambil langkah-langkah pentadbiran, teknikal dan keselamatan yang sesuai serta prosedur yang selaras dengan undang-undang dan peraturan yang berkenaan, bagi mencegah akses/ pemprosesan Data Peribadi anda tanpa persetujuan atau menyalahi undang-undang, serta kehilangan, kemusnahan atau kerosakan secara tidak sengaja terhadap Data Peribadi anda. Sekiranya kami melantik pembekal perkhidmatan pihak ketiga untuk memproses Data Peribadi anda, kami akan memastikan mereka mengambil langkah-langkah keselamatan dan kerahsiaan khusus bagi melindungi Data Peribadi anda.

19. Pemindahan Data Peribadi

Sekiranya kami menganggap ia perlu atau sesuai bagi tujuan penyimpanan/ pemprosesan data atau penyediaan sebarang produk atau perkhidmatan bagi pihak kami kepada anda, kami boleh memindahkan Data Peribadi anda kepada syarikat ahli Kumpulan kami yang lain atau pembekal perkhidmatan pihak ketiga, sama ada dalam atau luar negara di mana kami ditubuhkan, tertakluk kepada syarat kerahsiaan dan tahap langkah keselamatan yang setara. Pemindahan tersebut hanya akan dibuat sekiranya dibenarkan di bawah undang-undang Malaysia.

20. Hak anda untuk akses dan pembetulan

Anda berhak untuk meminta akses dan pembetulan maklumat anda yang kami simpan. Mengenai perkara ini, anda boleh:

- f) menyemak sama ada kami menyimpan atau menggunakan Data Peribadi anda dan meminta akses kepada data tersebut;
- g) meminta kami untuk membetulkan Data Peribadi anda yang tidak tepat atau tidak lengkap;
- h) memaklumkan kami bantahan anda terhadap penggunaan Data Peribadi anda untuk tujuan pemasaran, dan selepas itu kami tidak akan menggunakan Data Peribadi anda untuk tujuan tersebut;
- i) menarik balik, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, persetujuan anda yang telah diberikan sebelum ini, tertakluk kepada sebarang keperluan undang-undang, obligasi kontrak dan tempoh masa yang munasabah; dan/atau
- j) meminta pemindahan data dalam format yang berstruktur dan lazim digunakan.

Kami berhak untuk mengenakan bayaran bagi akses kepada Data Peribadi anda dalam amaun yang dibenarkan di bawah undang-undang Malaysia.

Jika anda tidak ingin Data Peribadi anda dikumpul melalui penggunaan kuki di laman web kami, anda boleh menyahaktifkan kuki dengan menyelaraskan tetapan pelayar internet, memadam sejarah pelayaran dan membersihkan cache dari pelayar internet anda. Walau bagaimanapun, anda mungkin tidak dapat menggunakan ciri dan fungsi laman web atau perkhidmatan kami.

21. Data Peribadi individu di bawah umur dan individu lain

Sekiranya Data Peribadi individu di bawah umur 18 tahun diberikan kepada kami, anda sebagai ibu bapa atau penjaga sah dengan ini memberi persetujuan terhadap pemprosesan Data Peribadi individu tersebut dan bersetuju untuk tertakluk kepada Notis Privasi ini.

Anda mungkin telah memberikan Data Peribadi individu lain seperti ahli keluarga atau rakan anda. Oleh itu, anda mewakili dan menjamin bahawa anda telah diberi kuasa untuk memberikan Data Peribadi mereka kepada kami dan anda telah memperolehi persetujuan mereka untuk pemprosesan Data Peribadi tersebut mengikut Notis Privasi ini.

22. Penyimpanan dan pelupusan Data Peribadi

Data Peribadi anda akan disimpan untuk tempoh yang diperlukan bagi memenuhi tujuan pemprosesan Data Peribadi yang sah serta keperluan di bawah undang-undang Malaysia. Sekiranya Data Peribadi anda tidak diperlukan, ia akan dipadamkan atau dirahsiakan dengan cara yang selamat.

23. Pindaan selanjutnya dan pertikaian

Notis Privasi ini boleh dikemas kini dari semasa ke semasa. Anda dinasihatkan untuk menyemak Notis Privasi ini dari semasa ke semasa bagi sebarang perubahan. Sekiranya anda masih memberikan Data Peribadi anda kepada kami, anda akan dianggap telah menerima perubahan dalam Notis Privasi ini.

Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan versi bahasa lain bagi Notis Privasi ini, versi Bahasa Inggeris akan digunapakai.

24. Maklumat untuk dihubungi

Jika anda ingin bertanya, mengadu, mengakses, membetulkan atau mengehadkan pemprosesan Data Peribadi anda, sila hubungi:

Data Protection Officer
Engtex Group Berhad
Lot 36, Jalan BRP 9/2B, Putra Industrial Park
Bukit Rahman Putra
47000 Sungai Buloh, Selangor

No. telefon : +603 6140 1111

E-mel : dpo@engtex.com.my (untuk perkara berkaitan dengan pemborongan dan pengedaran, pembuatan dan pembangunan hartanah kami)
dpo.engtexleisure@engtex.com.my (untuk perkara berkaitan dengan Mercure Selangor Selayang dan Ibis Styles Kuala Lumpur)

Kami akan membalas permintaan anda dalam masa 21 hari, atau memaklumkan anda sekiranya lanjutan masa diperlukan.

Semakan terakhir: 21 Ogos 2025